

THE APPLICATION OF *AL-ḤĀL* IN ARABIC GRAMMAR ACCORDING TO AL-QUSHAYRI

APLIKASI *AL-ḤĀL* DALAM ILMU NAHU MENURUT AL-QUSHAYRI

Shahrizal Mahpoliⁱ, Mohd Baharim Mayidinⁱⁱ, Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saadⁱⁱⁱ, Muhammad Saiful Anuar Yusoff^{iv} & Mohd Zuhdi Ismail^v

- ⁱ. Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Malaysia. srizal368@uitm.edu.my
ⁱⁱ. (*Corresponding author*). Pensyarah, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Malaysia. baharim424@uitm.edu.my
ⁱⁱⁱ. Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Malaysia. luqman701@uitm.edu.my
^{iv}. Profesor Madya, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Malaysia. saiful673@uitm.edu.my
^v. Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Malaysia. mohdzuhdi@uitm.edu.my

Article Progress

Received: 15 Julai 2025

Revised: 15 August 2025

Accepted: 28 August 2025

Abstract	<p><i>The spiritual values contained in the concept of al-ḥāl are among the important aspects that need to be applied in the study of Arabic grammar (naḥw) so that discussions become more integrated, rather than focusing solely on linguistic aspects. However, in reality, grammatical discussions rarely touch on the spiritual dimension and the cultivation of noble character, which form the core of discourse in Sufism. Therefore, the objective of this article is to examine al-Qushayrī's (d. 465H) approach in applying the concept of al-ḥāl to several topics in Arabic grammar in his work entitled Naḥw al-Qulūb. In addition, the article also analyzes the common aspects that serve as a basis for comparison in applying these values to grammar topics. This qualitative study employs content analysis methodology and uses the aforementioned work as its main reference source. The findings show that al-Qushayrī applied four concepts of al-ḥāl; namely ḥāl al-jam', al-farq, jam' al-jam', and al-farq al-thānī, to four grammar topics: al-mabnī, jam' al-mudhakkār al-sālīm, jam' al-taksīr, and al-idghām. The study also found that the application process was based on a comparative method, referring to the similarity of meaning between values related to al-ḥāl and the implicit metaphorical meanings embedded in certain grammatical rules. The findings are expected to introduce a new and integrated approach to the teaching and learning process (T&L) for the subject of Arabic grammar.</i></p> <p>Keywords: <i>al-Ḥāl, Tasawuf, Grammar, al-Qushayri, Linguistic.</i></p>
Abstrak	<p><i>Nilai-nilai kerohanian yang terdapat dalam konsep al-ḥāl merupakan antara aspek penting perlu diterapkan dalam ilmu nahu Arab supaya perbincangannya lebih bersifat integral tidak hanya tertumpu kepada aspek linguistik semata-mata. Namun hakikat yang berlaku, perbincangan nahu</i></p>

	<p><i>jarang sekali menyentuh aspek kerohanian dan pembentukan akhlak mulia yang menjadi tunggak perbahasan ilmu tasawuf. Justeru, objektif artikel ini cuba mengkaji pendekatan al-Qushayri (w. 465H) mengaplikasikan konsep al-ḥāl dalam beberapa topik ilmu nahu dalam kitab beliau berjudul “Naḥw al-Qulūb”. Selain dari itu, artikel ini juga akan menganalisis aspek persamaan yang dijadikan sebagai asas perbandingan dalam mengaplikasikan nilai tersebut dalam topik nahu. Kajian kualitatif ini menggunakan metode analisis kandungan dan menggunakan karya tersebut sebagai sumber rujukan utama. Hasil kajian mendapati al-Qushayri telah mengaplikasi empat konsep al-ḥāl iaitu ḥāl al-jam’, al-farq, jam’ al-jam’ dan al-farq at-thāni dalam empat topik nahu iaitu al-mabniy, jam’ al-mudhakkar al-sālim, jam’ al-taksir dan al-idghām. Kajian juga mendapati proses aplikasi yang dibuat adalah berpandukan kepada metode perbandingan yang merujuk kepada persamaan maksud nilai-nilai berkaitan al-ḥāl yang boleh dibandingkan dengan maksud tersirat secara metafora yang terkandung dalam kaedah ilmu nahu tertentu. Dapatan kajian ini diharapkan mampu mengetengahkan satu pendekatan baharu yang bersepadu dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi subjek nahu Arab.</i></p> <p>Kata kunci: <i>al-Ḥāl, Tasawuf, Nahu, al-Qushayri, Linguistik.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Perenggan Ilmu nahu merupakan salah satu cabang penting dalam disiplin ilmu bahasa Arab yang berperanan besar untuk memastikan kefahaman terhadap teks-teks Arab seperti al-Quran dan hadis, dapat dicapai dengan tepat dan berkesan. Namun begitu, perkembangan ilmu nahu dalam tradisi keilmuan Islam tidak terbatas kepada dimensi teknikal semata-mata, bahkan turut dipengaruhi oleh nilai-nilai kerohanian yang berkembang dalam disiplin ilmu tasawuf. Salah satu konsep utama dalam tasawuf yang kaya dengan nilai kerohanian ialah konsep *al-ḥāl* yang merujuk kepada pengalaman kerohanian seorang *sālik* yang bermaksud orang yang bersungguh-sungguh menelusuri jalan kerohanian untuk mendekati diri kepada Allah dengan meninggalkan dosa dan menyucikan hati daripada segala selain Allah.

Tokoh sufi terkemuka, al-Qushayri (w. 465H), bukan sahaja dikenali sebagai ulama tasawuf tetapi juga sebagai tokoh yang cuba menggabungkan disiplin ilmu ini dengan ilmu-ilmu lain termasuklah ilmu nahu. Dalam karya yang unik berjudul *Naḥw al-Qulūb*, beliau telah mengetengahkan pendekatan luar biasa dengan menerapkan konsep-konsep kerohanian berkaitan ilmu tasawuf dalam kupasan nahu Arab secara metafora dan simbolik. Pendekatan ini membuktikan bahawa ilmu nahu bukan hanya alat teknikal untuk memahami struktur bahasa, tetapi juga boleh menjadi medium pengembangan nilai kerohanian dan pembentukan jiwa yang suci.

PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Penerapan nilai kerohanian adalah tonggak kepada perkembangan intelek, emosi dan jasmani untuk melahirkan manusia yang seimbang dan sempurna (Mohd Khairi Othman, 2014). Perbahasan suatu disiplin ilmu yang hanya memfokuskan kepada aspek kognitif semata-mata akan mengakibatkan pengasingan aspek kerohanian (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2023). Menurut Mohd Zuhdi et al (2022), perbincangan ilmu nahu Arab yang berlaku selama ini adalah terpisah dari nilai kerohanian.

Sebab berlaku gejala tersebut adalah kerana ruang lingkup perbahasannya hanya tertumpu kepada memelihara ayat dari kesilapan linguistik. Tambahan pula, proses pembelajaran juga hanya sekadar untuk mendapatkan ilmu dan penguasaan bahasa semata-mata. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengkaji penerapan nilai-nilai *al-ḥāl* dalam ilmu nahu sebagaimana dipaparkan oleh al-Qushayri dalam karya beliau *Naḥw al-Qulūb*. Dengan memberi fokus kepada analisis simbolik terhadap beberapa kaedah nahu

dalam karya tersebut, artikel ini berusaha menyingkap sumbangan al-Qushayri untuk memperluas pemahaman terhadap ilmu bahasa, serta menunjukkan bagaimana disiplin linguistik boleh menjadi wahana penyucian jiwa untuk mendekatkan diri kepada Allah.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengkaji nilai-nilai *al-hāl* menurut al-Qushayri yang diterapkan dalam topik-topik nahu Arab dalam kitab *Nahw al-Qulub*.
- ii. Menganalisis aspek persamaan yang dijadikan sebagai asas perbandingan dalam menerapkan nilai tersebut dalam topik nahu

Berdasarkan objektif tersebut, kajian ini ingin mencari jawapan kepada dua persoalan utama iaitu:

- i. Sejauh manakah nilai-nilai *al-hāl* diterapkan oleh al-Qushayri dalam disiplin ilmu nahu Arab?.
- ii. Bagaimanakah nilai-nilai tersebut diaplikasikan dalam perbincangan topik nahu tertentu?.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan metode analisis isi kandungan (*content analysis*) untuk menganalisis data secara sistematik. Pendekatan ini dipilih bagi memahami tema dan makna yang terkandung dalam sumber teks yang dikaji. Sumber data utama bagi kajian ini ialah karya nahu al-Qushayri yang berjudul "*Nahw al-Qulub*". Pemilihan sumber utama ini dilakukan secara bertujuan (*purposive sampling*), dengan mengambil kira kerelevanan kandungan terhadap objektif kajian.

Proses pengumpulan data melibatkan kepada aspek-aspek di bawah:

- i. Mengenalpasti dokumen atau bahan yang sesuai.
- ii. Pembacaan menyeluruh ke atas sumber primer dan beberapa sumber sekunder yang berkaitan.
- iii. Penandaan awal untuk topik-topik yang berkaitan dengan persoalan kajian.
- iv. Penyusunan data ke dalam kategori dan tema yang ditentukan secara induktif.

Setelah memperolehi data-data tersebut, pengkaji mengenalpasti bentuk penerapan dengan menggunakan pendekatan komparatif untuk melihat aspek persamaan dan perkaitan antara beberapa data yang diperolehi. Seterusnya data akan diperkemas lagi dengan sokongan beberapa dalil dari Quran dan Hadis untuk dijadikan sebagai pemutus kepada isu-isu tertentu.

SOROTAN LITERATUR

Kajian terhadap konsep *al-hāl* dalam ilmu tasawuf merupakan aspek penting untuk memahami dinamika kerohanian seseorang yang menempuh jalan penyucian jiwa dalam mana-mana institusi tarekat. Al-Tusi (2007) menukilkan pandangan al-Junaid mengenai definisi *al-hāl* iaitu keadaan spiritual yang dikurniakan oleh Allah kepada para *sālikīn* yang bersifat sementara. Keadaan ini menurutnya lagi, datang tanpa usaha dan ia tidak kekal sebagaimana *maqām* yang memerlukan usaha secara berterusan untuk memenuhi tuntutannya. Perbincangan berkaitan *al-hāl* sebenarnya merupakan kesinambungan kepada perbincangan mengenai konsep *al-maqām*. Perbezaan antara kedua-dua konsep ini dapat dilihat dari aspek cara pencapaian dan ciri-cirinya.

Menurut al-Qushayri (2010) *al-maqām* dapat dicapai melalui usaha sedangkan *al-hāl* merupakan anugerah dari Allah. Selain dari itu, *al-maqām* bersifat tetap dan berperingkat, sedangkan *al-hāl* berkeadaan sementara tidak tetap kerana ia datang dan pergi tanpa diduga hasil dari ketaatan dan amalan yang dilakukan (Khairunnas Rajab, 2009). Antara contoh *al-hāl* yang dibincangkan dalam disiplin ilmu tasawuf seperti *al-jam'* (penyatuan), *al-farq* (perpisahan), *al-khawf* (takut), *al-rajā'* (pengharapan), *al-mahabbah*

(cinta), *al-bast* (kelapangan hati), *al-qabd* (kesempitan hati) dan lain-lain lagi (al-Qushayri 2010).

Menurut Mohd Zuhdi et al (2022), al-Qushayri merupakan antara tokoh ilmuan sufi yang terawal berjaya menerapkan nilai-nilai tasawuf dalam pelbagai disiplin ilmu Islam. Dalam konteks hubungan antara ilmu tasawuf dan ilmu nahu, Zaiton Mustapha et al (2021) menegaskan bahawa terma kerohanian dalam tasawuf dapat memberi kesan kepada pemahaman teks nahu Arab. Sebagai contohnya, istilah makrifah yang dibahasakan dalam kedua-dua disiplin ilmu tersebut mengandungi perbezaan maksud dan konsep yang bersesuaian dengan skop perbincangan kedua-dua ilmu tersebut.

Namun demikian, seorang ahli sufi yang mempelajari kaedah-kaedah nahu dalam topik tersebut, pasti akan menemui titik persamaan dengan perbincangan berkaitan topik makrifah dalam ilmu tasawuf. Menurut Mohd Zuhdi et al, (2022) lagi, al-Qushayri telah mengaplikasikan metod perbandingan dalam menyelidiki aspek persamaan antara fakta yang terdapat dalam ilmu tasawuf dan nahu Arab.


Kajian oleh Shahrizal et al (2024) menunjukkan bahawa pendekatan tasawuf boleh diintegrasikan ke dalam perbincangan ilmu Islam yang lain termasuk ilmu nahu dengan menekankan dimensi rasa rohani dalam memahami pelbagai teks Arab klasik. Hal ini menguatkan lagi andaian bahawa nilai-nilai *ḥāl* seperti *al-jam'*, *al-farq*, *khawf*, *rajā'* dan sebagainya dapat mempengaruhi pendekatan seseorang dalam membahasakan ilmu nahu bukan sekadar mendapatkan pemerolehan linguistik semata-mata tetapi juga menjangkau kepada proses pemurnian rohani.

Dalam kerangka nahu, al-Qushayri menyentuh secara tidak langsung tentang hubungan antara kehalusan bahasa Arab dengan kehalusan makna kerohanian. Menurut seorang penyelidik Ahmad Qasim Kassar (2012), penggunaan istilah sufi dalam teks nahu "*Nahw al-Qulub*" memperlihatkan kepekaan terhadap struktur bahasa Arab yang tinggi. Hal ini memberi ruang untuk memperluaskan kajian multidisiplin antara tasawuf dan nahu dengan menilai bagaimana nilai *ḥāl* contohnya mampu menyemai aspek kerohanian dan penyucian jiwa dalam aktiviti pembelajaran ilmu linguistik.

Justeru, kajian ini bertujuan memaparkan hubungan antara konsep *ḥāl* yang dibicarakan dalam dimensi tasawuf oleh al-Qushayri dan bagaimana ia boleh memberi dimensi makna tambahan dalam ilmu nahu terutama dalam menganalisis kehalusan terma tersebut yang membawa nilai semantik, struktur dan kerohanian.

DAPATAN KAJIAN

Kajian mendapati al-Qushayri telah mengaplikasikan empat nilai *al-ḥāl* dalam lima topik nahu. Nilai-nilai tersebut *al-jam'*, *al-farq*, *jam' al-jam'* dan *al-farq al-thāni*. Kesemua nilai tersebut diaplikasikan dengan menerapkannya dalam topik *al-mu'rab*, *al-mabniy*, *jam' al-mudhakkar al-sālim*, *jam' al-taksīr* dan *al-idghām* sebagaimana dijelaskan dalam rajah (1) di bawah:



Rajah (1): Aplikasi nilai al-ḥāl dalam topik nahu

Rajah (1) di sebelah menjelaskan bagaimana al-Qushayri mengaplikasikan empat nilai tasawuf berkaitan *al-hāl* dalam lima topik nahu. Pertama ialah *hāl al-jam'* yang diterapkan dalam topik *al-mabniy*, *jam' al-muzakkar al-sālim* dan *jam' taksīr*. Kedua ialah *hāl al-farq* yang diterapkan dalam topik *al-mu'rab*. Manakala *hāl jam' al-jam'* dan *hāl al-farq al-thāni* pula diterapkan kedua-duanya dalam topik *al-idghām*.

Aplikasi *Hāl al-Jam'* dalam Ilmu Nahu

Al-jam' dari sudut bahasa diambil dari kata dasar (*jama'a – yajma' – jam'an*) bermaksud menghimpun dan mengumpul (Ibn manzur, 2003). Dari sudut istilah tasawuf pula *al-jam'* bermaksud keadaan seorang hamba yang telah hilang kesedaran hatinya kerana terhimpun kepada kehendak *al-Haqq* (Allah) semata-mata (al-Qushayri, 2010). Konsep *jam'* ini telah diaplikasikan dalam ilmu nahu dengan menerapkannya dalam topik *al-mabniy* (tak fleksi). Al-Qushayri (2005) mentakrifkan *al-mabniy* sebagai keadaan baris hujung perkataan tertentu yang tetap dan tidak berubah walaupun didahului oleh *'āmil* (pengubah fleksi)¹ tertentu. Penerapan yang dilakukan adalah berasaskan kepada persamaan maksud keadaan yang tetap dan tidak berubah sebagaimana dihuraikan dalam perbincangan ilmu tasawuf dan nahu.

Dari perspektif perbincangan ilmu tasawuf, hati individu yang berada dalam *hāl al-jam'* sentiasa mengingati Allah dan merasai kehadiranNya. Ketika itu, dia merasakan dirinya tidak mampu berbuat apa-apa dan hanya mengikut sahaja pimpinan dan ketentuan Allah Taala (Ibrahim Bisyuni dan al-Jundi 2008). Konsep ini perlu difahami secara mendalam kerana *hāl jam'* merupakan satu simbol kepada pengakuan seorang hamba tentang sifat kehambaannya dan menerima segala takdir yang telah ditetapkan oleh Allah. Dia juga tidak mampu mengubah ketentuan itu walaupun telah melakukan pelbagai usaha dan ikhtiar. Dari perspektif perbincangan ilmu nahu pula, situasi tersebut dapat dianalogikan dengan perkataan *mabniy* yang berbaris tetap tidak boleh berubah walaupun didahului *'āmil* tertentu seperti *huruf al-jarr*, *inna wa akhawatuha* (keluarga inna), *kana wa akhawatuha* (keluarga kana) dan sebagainya. Contoh yang jelas bagi perkataan *mabniy* dalam bahasa Arab seperti kata nama tunjuk "*hazhihi*" dalam firman Allah: *إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ* (al-Quran. *al-Anbiya'*:92). Perkataan tersebut merupakan kata nama *mabniy* yang tidak berubah baris akhirnya walaupun dimasuki oleh huruf *inna* yang berfungsi menasabkan² *ism inna* dan merafa'kan³ *khbar*nya. Justeru, asas penerapannya adalah berdasarkan kepada persamaan maksud tetap tidak berubah bagi individu yang berada dalam *hāl al-jam'* dan maksud tetap baris asal pada semua perkataan *mabniy*.

Menurut al-Qushayri (2005) lagi, seorang *sālik* yang melalui *hāl al-jam'* juga akan merasakan dirinya berada dalam dua situasi yang barlainan dan berlawanan. Ada waktunya dia merasa dirinya berada dekat dengan Allah dan ada kalanya merasa diri sama seperti manusia lain. Kedua-dua situasi tersebut telah beliau jelaskan dalam ungkapan berikut: "... ketika *hāl jam'*, ada masanya Allah menempatkannya berada dekat di sisiNya dan ada waktunya pula terasa dirinya jauh dariNya" (al-Qushayri, 2005). Situasi seperti ini diaplikasikan dalam ilmu nahu dengan menerapkannya dalam topik "*jam' al-muzakkar al-sālim*". Penerapan yang dibuat adalah berdasarkan kepada persamaan maksud berlainan keadaan sebagaimana dijelaskan dalam perbincangan kedua-dua bidang ilmu tersebut.

Dari perspektif perbincangan ilmu tasawuf, *hāl al-jam'* mampu menjadikan rasa kerohanian seorang hamba berada dalam kalangan *muqarrabin* yang mencapai makam tinggi dalam keimanan dan ketaatannya. Menurut al-Qushayri (2005), situasi ini dapat dilihat sebagaimana berlaku pada diri Rasulullah sendiri ketika ditanya mengenai hukum puasa dua hari berterusan tanpa berbuka yang dikenali sebagai puasa *wiṣāl* seperti yang baginda biasa lakukan. Baginda menjawab sebagaimana sabdanya yang bermaksud,

¹ *'āmil* (Pengubah fleksi) bermaksud unsur atau faktor yang boleh mempengaruhi i'rab perkataan tertentu dalam satu ayat

² Nasab bermaksud akusatif iaitu keadaan satu perkataan yang asalnya dibaca berbaris atas

³ Rafa' bermaksud nominatif iaitu keadaan satu perkataan yang asalnya berbaris hadapan

“Sesungguhnya aku bukanlah seperti salah seorang di antara kamu, sesungguhnya aku bermalam dalam keadaan Tuhanku yang memberi makan dan minum kepadaku”. (Hadis. Ibn Hibban, Bab al-sawm al-manhiy ‘anhu. 3575).

Dalam situasi berbeza, kerohanian individu yang mengalami *hāl al-jam’* boleh menjadi berlainan di luar kawalannya dan merasakan dirinya setaraf dengan manusia yang lain. Situasi ini juga dapat dilihat dari kisah Nabi menenangkan seorang lelaki yang dilihat gementar ketika menemuinya, lalu baginda terus bersabda yang bermaksud, “Aku hanyalah seorang anak lelaki kepada perempuan yang memakan daging yang dijemur”. (Hadis. Ibn Majah, Bab al-qadīd. 3312). Hadis ini, menjelaskan bahawa baginda adalah seperti orang lain dalam menjalani kehidupan dari aspek makanan, pakaian dan sebagainya.

Dari perspektif perbincangan ilmu nahu pula, situasi sedemikian dapat dibandingkan dengan “*jam’ al-muzakkar al-sālim*” yang berlainan tanda fleksi⁴ mengikut kedudukannya sama ada ketika *marfū’* (nominatif), *mansūb* (akusatif) ataupun *majrūr* (genitif). Perbezaan penambahan dapat dilihat pada perkataan المؤمنون/المؤمنين dalam tiga ayat berikut: ﴿قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ﴾ (al-Quran. al-Mu’minun: 1), ﴿لِيَدْخُلَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ حَنَّتِ﴾ (al-Quran. al-Fath: 5) dan ﴿فَأُولَئِكَ مَعَ الْمُؤْمِنِينَ﴾ (al-Quran. al-Nisa’: 146). Oleh itu, asas penerapannya adalah berdasarkan kepada persamaan maksud berlainan rasa rohani individu yang berada dalam *hāl al-jam’* dan maksud berlainan tanda fleksi pada perkataan “*jam’ al-mudhakkar al-sālim*”.

Seterusnya al-Qushari (2005) telah membahagikan individu yang mengalami *hāl al-jam’* kepada dua bahagian. Pertama ialah *al-jam’* yang terpelihara dari elemen negatif dan kedua *al-jam’* yang terdedah kepada anasir negatif. Pembahagian tersebut telah diterapkan dalam topik *jam’ sālim* sama ada *muzakkar* atau *muannath* dan *jam’ taksīr*. Penerapan yang dilakukan adalah berasaskan kepada persamaan maksud terselamat atau terdedah kepada elemen tertentu sebagaimana dihuraikan dalam perbincangan ilmu tasawuf dan nahu.

Dari perspektif perbincangan ilmu tasawuf, kayu pengukur yang menentukan kesahihan *hāl al-jam’* adalah setakat mana kepatuhannya dengan hukum syarak atau sebaliknya. Individu yang mengalami *hāl* tersebut dan mematuhi setiap ajaran syariat merupakan golongan yang benar dan terselamat dari elemen negatif. Manakala individu yang hanya mendakwa mengalami *hāl al-jam’*, namun tindakannya tidak selari dengan ajaran syariat seperti meninggalkan kefarduan dan sebagainya, maka ia sebenarnya terdedah kepada kemurkaan Allah.

Dari perspektif huraian ilmu nahu pula, *hāl* yang patuh dengan hukum syarak dibandingkan dengan *jam’ sālim* kerana bentuk asal perkataannya tidak terdedah kepada sebarang pertukaran dari struktur asalnya. Apa yang berlaku hanyalah penambahan (*waw* dan *nun*) pada *jam’ muzakkar sālim* atau (*alif* dan *ta*) pada *jam’ muannath sālim*. Maka, asas penerapannya adalah berdasarkan kepada persamaan maksud terselamat *al-jam’* dari segala anasir negatif dan terselamat dari sebarang perubahan struktur asalnya. Sebaliknya, *hāl* yang menyeleweng pula dibandingkan dengan *jam’ taksīr* kerana struktur asalnya terdedah kepada perubahan seperti perkataan “*kutub*” (buku-buku) yang diubah dari “*kitāb*” (sebuah buku). Justeru, asas penerapannya adalah berdasarkan persamaan maksud terdedah *jam’* yang menyeleweng kepada kemurkaan Allah dan maksud terdedah *jam’ taksīr* kepada perubahan perkataan *jam’* dari bentuk asalnya.

Aplikasi *Hāl al-Farq* dalam Ilmu Nahu

Perkataan *al-farq* dari segi bahasa berasal dari kata dasar (*faraqa – yafraqu – farqan*) bermaksud memisahkan sesuatu (Ibn Manzur, 2003). Menurut al-Jurjani (2003), *al-farq* dari perspektif ilmu tasawuf bermaksud keterpisahan hamba dari rasa kebersamaan

⁴ Tanda fleksi atau *‘alāmah al-i’rāb* bermaksud baris atau tanda yang diletak dihujung perkataan dalam ayat tertentu

dengan *al-Haqq*⁵ (Penciptanya). Ia merujuk kepada kesedaran tentang dualiti antara hamba dengan Penciptanya dan merupakan kata lawan kepada *al-jam'*. Konsep *al-farq* telah diaplikasikan dalam ilmu nahu dengan menerapkannya dalam topik *al-mu'rab* (kata fleksi). Al-Qushayri (2005) mentakrifkan *al-mu'rab* sebagai kata nama yang berubah baris huruf akhirnya mengikut konteks *'amil*. Penerapan yang dilakukan adalah berasaskan kepada persamaan maksud perubahan keadaan mengikut keperluan sebagaimana dihuraikan dalam perbincangan ilmu tasawuf dan nahu.

Dari perspektis huraian ilmu tasawuf, hati individu yang mengalami *ḥāl al-farq* menyedari dirinya terpisah dari rasa kebersamaan dengan Allah. Dia juga merasakan dirinya bebas melaksanakan amalan dan mengeluarkan perkataan sama ada berbentuk doa, munajat dan sebagainya. Namun beliau meyakini segala tindakannya masih tetap bersandarkan keizinan Allah. Situasi tersebut digambarkan oleh al-Qushayri (2005) dalam kata-katanya: "... *ataupun kata-kata yang diizinkan oleh Allah untuk diucapkan oleh hamba tersebut*". Dari perspektif perbincangan ilmu nahu pula, pengalaman rohani tersebut dianalogikan dengan kata *mu'rab* yang boleh sentiasa berubah baris akhir mengikut *āmil* yang mengubahnya. Perubahan baris tersebut dapat dilihat pada contoh perkataan "اَلْكَتٰبُ" dalam tiga ayat berikut: ﴿لَا رَيْبَ فِيْهِ ذٰلِكَ اَلْكِتٰبُ﴾ (*al-Baqarah* 2:2), ﴿بِاَيْدِيْهِمْ فَوَيْلٌ لِّلَّذِيْنَ يَكْتُمُوْنَ اَلْكِتٰبَ﴾ (*al-Baqarah* 2:79) dan ﴿اَلْكِتٰبِ وَتُوْمِنُوْنَ بِاَلْكِتٰبِ﴾ (*Al 'Imran* 3:119). Justeru, asas penerapannya adalah berdasarkan persamaan maksud perubahan kesedaran diri yang mengalami *ḥāl al-farq* dalam melaksanakan apa jua tindakan mengikut keinginannya dan maksud perubahan baris hujung pada kata *mu'rab* mengikut *āmil*.

Aplikasi *Hāl Jam' al-Jam'* dan *Hāl al-Farq al-Thāni* dalam Ilmu Nahu

Telah dibahaskan sebelum ini, pengalaman individu yang berada dalam *ḥāl jam'* akan menisbahkan segala tindakannya mengikut kepada ketentuan Allah. Peringkat tertinggi selepas *ḥāl* ini dikategorikan dalam ilmu tasawuf sebagai *jam' al-jam'*. Menurut al-Qushayri (2010), ia bermaksud *fanā*⁶ secara keseluruhannya kesedaran seorang hamba dari mengingati selain Allah tatkala menyaksikan keagungan sifat-sifatNya.

Konsep *jam' al-jam'* ini telah diaplikasikan dalam ilmu nahu dengan menerapkannya dalam topik *idghām* yang bermaksud memasukkan huruf yang berbaris mati ke dalam huruf yang serupa dengannya menjadi satu huruf yang bersabdu (al-Qushayri, 2005). Penerapan yang dibuat adalah bersandarkan kepada persamaan maksud hilang lenyap sesuatu secara keseluruhannya sebagaimana dihuraikan dalam ilmu tasawuf dan ilmu nahu.

Dari perspektif kupasan ilmu tasawuf, al-Qushayri (2005) menjelaskan bahawa kesedaran *sālik* ketika mengalami *jam' al-jam'* terfokus kepada keagungan sifat Allah kerana ketika itu dia karam dalam lautan zikrullah dan tenggelam dalam kenikmatan bermunajat kepadaNya. Segala kepentingan dirinya ketika itu sebenarnya telah hilang lenyap secara total dan diidghāamkan (dimasukkan) dalam kepentingan Allah. Bahkan terdapat sesetengah dari para *sālik* yang telah mencapai tahap *sakr*⁷ (mabuk) dalam mencintai Allah sehingga terpacul kata-kata yang zahirnya nampak aneh tetapi pada hakikatnya tersembunyi maksud yang suci lagi tulus (al-Tusi, 2007).

Dari perspektif perbincangan ilmu nahu pula, situasi ini dibandingkan dengan *idghām* kerana hilang huruf yang sama dimasukkan dalam huruf selepasnya dan berbaris sabdu. Contoh yang jelas bagi *idghām* dapat dilihat pada perkataan "ظَنَّ" dalam ayat berikut: ﴿اِنَّهٗ ظَنَّ اَنَّ لَنْ يَّجُوْرَ﴾ (*al-Quran. al-Inshiqaq: 14*). Menurut Ibn Hisyam (2004), perkataan tersebut sebenarnya berasal dari "ظنن" dan dimasukkan *nun* pertama dalam *nun* kedua menjadi "ظَنَّ" kerana kedua-duanya dari jenis huruf yang sama. Lantaran itu, asas penerapannya adalah

⁵ Al-Haqq adalah salah satu dari 99 nama Allah bermaksud Allah yang Maha Benar

⁶ Fana' bermaksud hilang lenyap sifat makhluk kerana tenggelam menyaksikan keagungan sifat Allah

⁷ Sakr dalam istilah tasawuf bermaksud hilang penumpuan akal disebabkan terlampau gembira ketika menyaksikan kebesaran sifat Allah.

berdasarkan persamaan maksud hilang lenyap secara total kesedaran diri hamba yang mengalami *ḥāl jam' al-jam'* dan maksud hilang huruf pertama kerana dimasukkan dalam huruf kedua ketika *idghām*.


Dalam topik yang sama, kajian mendapati al-Qushayri (2005) menerapkan juga *ḥāl* yang berlawanan dengan *jam' al-jam'* iaitu *ḥāl al-farq al-thāni*. *Ḥāl* ini bermaksud kembali kesedaran hamba seperti sedia kala setelah hilang lenyap dalam penyaksian keagungan sifat Allah (al-Qushayri, 2010). Penerapan yang dibuat adalah berasaskan kepada persamaan maksud kembali sesuatu kepada kondisi asalnya. Dari perspektif ilmu tasawuf, individu yang telah mengalami *ḥāl jam' al-jam'* akan kembali kepada keadaan asal untuk meneruskan kehidupan sebagaimana sebelumnya. Hal demikian kerana dirinya ketika itu tidak berdaya mengendalikan rasa rohaninya sehingga merasa tidak berupaya menunaikan kefarduan agama. Ketika itu, Allah akan mengembalikan kesedaran dirinya kepada *ḥāl al-farq al-thāni* (Ibrahim Bisunyi dan Ahmad Ilm al-Din, 2008).

Dari perspektif perbincangan ilmu nahu pula, situasi tersebut dibandingkan dengan keadaan huruf *idghām* akan dikembalikan semula seperti bentuk asalnya ketika disambungkan dengan gantinama tertentu. Contoh jelas bagi persoalan ini dapat diperhatikan pada perkataan “ظَنَنْتُمْ” dalam ayat berikut: ﴿يَا لَظَنَنْتُمْ أَنْ لَنْ يَنْقَلِبَ الرَّسُولُ﴾ (al-Quran. al-Fath: 12). Menurut al-Qushayri (2005), huruf *nun* yang di*idghām*kan akan dikembalikan kepada bentuk asalnya “ظَنَّ” kerana disambungkan dengan gantinama *tum*. Justeru dapat disimpulkan bahawa asas penerapannya adalah berdasarkan persamaan maksud kembali kesedaran seorang hamba yang mengalami *ḥāl jam' al-jam'* kepada kondisi asal dan maksud kembali semula huruf yang di*idghām* ketika berhubung dengan gantinama.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan aplikasi empat *al-ḥāl* dalam lima topik nahu adalah berasaskan kepada aspek persamaan maksud suatu konsep dalam ilmu tasawuf yang boleh dibandingkan dengan maksud tersirat dalam kaedah nahu yang difahami secara simbolik.

Hasil kajian ini telah menjawab objektif kajian kedua berkaitan aspek persamaan yang dijadikan asas perbandingan dalam mengaplikasikan nilai tersebut dalam topik-topik nahu. Proses lengkap bentuk aplikasi ini dapat dilihat dalam model Nahu Sufi Qushayri (NSQ) sebagaimana dihuraikan dalam rajah analisis rantai nilai (*value chain analysis*) di bawah:



Rajah (2): Nahu Sufi Qushayri

Merujuk kepada Rajah 2 di atas, dua unsur utama untuk membina kaedah Nahu Sufi Qushayri perlu diperhatikan. Unsur pertama dikenali sebagai aktiviti primer. Dalam aktiviti ini dijelaskan proses aplikasi empat nilai berkaitan *al-ḥāl* iaitu *al-jam'*, *al-farq*, *jam' al-jam'* dan *al-farq al-thāni* dalam lima topik nahu iaitu *al-mabniy*, *jam' al-muzakkar al-sālim*, *jam' al-taksir*, *al-mu'rab* dan *al-idghām*. Proses yang diperbahaskan dalam aktiviti primer hendaklah disokong dan dikukuhkan dengan unsur kedua yang disebut sebagai aktiviti

sokongan. Aspek utama yang menyokong aktiviti primer ialah aspek persamaan maksud yang difahami secara implisit dalam perbincangan ilmu tasawuf dan ilmu nahu. Pelaksanaan kedua-dua aktiviti tersebut membina satu rangkaian nilai yang akhirnya membentuk kaedah Nahu Sufi Qushayri (NSQ).

Kajian juga mendapati penekanan al-Qushayri mengenai konsep *al-ḥāl* hanya tertumpu kepada pembahagian empat *aḥwāl* ini yang mempunyai perkaitan rapat antara satu sama lain. Penekanan ini dipercayai sebagai salah satu pendekatan beliau dalam usaha memperbetulkan kekeliruan masyarakat di zamannya mengenai beberapa doktrin berkaitan ilmu tasawuf. Menurut Ibrahim Bisyyuni (1972), al-Qushayri telah menghasilkan karya-karya dalam pelbagai disiplin ilmu Islam dengan menerapkan nilai-nilai kesufian antaranya seperti kitab *Latāif al-Ishārāt* dalam bidang tafsir, kitab *al-Tahbīr fi al-Tadhkīr* dalam bidang tauhid, kitab *al-Mi'rāj* dalam bidang sirah, kitab *Nahw al-Qulub* dalam bidang nahu dan sebagainya. Usaha yang amat gigih ini adalah untuk memberikan kefahaman yang jelas mengenai ajaran tasawuf yang sebenar dan bertepatan dengan panduan Quran dan Hadis.

Merujuk kepada konsep *al-jam'* dan *al-farq*, kajian mendapati ketika seorang individu mengalami *ḥāl* tersebut, dia merasakan bahawa Allah telah menganugerahkan makrifah kepadanya dengan mengurniakan kefahaman mengenai keagungan sifat-sifatNya. Kefahaman yang dianugerahkan kepadanya merupakan satu proses musyahadah atau penyaksian yang tuntas bahawa setiap sesuatu yang berlaku di dunia ini adalah mengikut kehendak dan ketentuan Allah. Penyaksian tersebut sebenarnya terkandung dalam perbincangan ilmu tauhid berkaitan konsep *tawḥīd al-aḥdāl*. Ia bermaksud mengesakan Allah dalam sudut perbuatanNya dan meyakini bahawa semua kejadian yang berlaku di alam ini bahawa Allah sahaja yang mencipta, mentadbir, mengatur dan tiada perbuatan makhluk serupa dengan perbuatanNya. Dalam hal ini Allah telah berfirman dalam al-Quran:

﴿وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ﴾

Maksudnya, "Padahal Allah yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu!" (al-Quran. al-Ṣāffāt: 96).

Meneliti kepada perbincangan berkaitan *ḥāl jam' al-jam'* pula, kajian mendapati al-Qushayri menunjukkan kecenderungannya membela *shaṭaḥāt* para ahli sufi yang ikhlas dan beliau menyangkal dakwaan syirik yang dilemparkan ke atas mereka. Menurut al-Tusi (2007), *shaṭaḥāt* bermaksud ucapan spontan yang luar biasa atau simbolik diungkapkan oleh sebahagian ahli sufi dalam keadaan hilang kesedaran diri kerana tenggelam dalam menyintai Penciptanya. Dalam sejarah perkembangan tokoh ilmu tasawuf terdapat seorang ahli sufi yang terkenal dengan kontroversi *shaṭaḥāt*nya dikenali dengan panggilan al-Hallaj (w. 309H).

Ibn Khallikan (1978) menyebut bahawa al-Hallaj pernah mengucapkan secara tidak sedar kata-kata: "*ana al-Ḥaqq*" (akulah al-Haqq). Namun ulama telah mengeluarkan pandangan berbeza mengenai kedudukan beliau dalam permasalahan ini sama ada boleh dihukum syirik atau tidak. Merujuk kepada huraian al-Qushayri berkaitan konsep *ḥāl jam' al-jam'* dalam topik *idghām*, Ibrahim Bisyyuni dan al-Jundi (2008) menegaskan bahawa ucapan tersebut tidak boleh ditanggapi secara literal semata-mata. Kata-kata beliau boleh ditafsirkan kepada makna yang lebih suci iaitu segala tindakan al-Hallaj telah hilang lenyap diidghamkan dalam kehendak dan kekuasaan Allah yang bersifat *al-Ḥaqq*. Situasi tersebut terjadi ketika keagungan sifat Allah mendominasi hati hambaNya.

Dilihat dari sudut dalil pula, kajian mendapati konsep *shaṭaḥāt* boleh disamakan dengan kisah wanita di zaman Nabi Yusuf yang terlalu terpesona dengan keindahan wajahnya. Mereka telah hilang kesedaran diri sehingga memotong jari mereka sebagaimana disebut kisahnya dalam surah Yusuf ayat 31. Apabila menyaksikan ketampanan Yusuf sudah mampu melenyapkan kesedaran diri, sementelah pula bila menyaksikan kehebatan sifat Allah Yang Maha Sempurna lagi Maha Agung. Selain dari itu, terdapat juga Hadis menjelaskan bahawa kata-kata kufur yang diucapkan di luar kesedaran diri tidak diambil

kira di sisi Allah sebagaimana ucapan seorang lelaki yang terlalu gembira menemui semula unta dan bekalan yang hilang. Nabi bersabda:

{...قال من شدة الفرح : اللهم أنت عبدي وأنا ربك أخطأ من شدة الفرح }

Maksudnya, "...dia berkata dalam keadaan terlalu gembira: Ya Allah! Kaulah hambaku dan akulah tuhanMu! Dia tersilap kerana terlalu gembira" (Hadis. Muslim, *Kitab al-tawbah Bab al-haḍḍ 'ala al-tawbah wa al-farah biha*. 1260).

Dalam Hadis tersebut, diriwayatkan bahawa Nabi telah mengulangi kata-kata: "terlalu gembira" sebanyak dua kali untuk menegaskan bahawa ucapan yang keluar dari mulut lelaki itu tidak menjatuhkannya kepada hukum kufur atau syirik. Hal ini demikian kerana kata-kata tersebut diucapkan di luar kesedarannya dan tanpa disengajakan.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa aplikasi konsep *ḥāl al-farq al-thāni* dalam topik *idghām* merupakan penghayatan kepada sifat rahmat Allah terhadap hamba-hambanya yang telah mencapai kemuncak makrifah. Hal tersebut dapat dilihat bagaimana Allah memelihara tindak tanduk mereka supaya tidak menimbulkan fitnah dalam masyarakat. Diri *sālik* yang mengalami *ḥāl jam' al-jam'* tidak mampu mengawal perasaan rohaninya dan merasa teramat daif sehingga tidak mampu melaksanakan kewajipan hariannya. Di kala itu, Allah mengurniakan rahmat ke atasnya dengan memulihkan kesedaran diri dan mengembalikannya kepada *ḥāl al-farq al-thāni* bagi membolehkannya melaksanakan kewajipan yang difardukan dalam agama.

Ringkasnya, pelbagai perasaan rohani yang ditempuh semasa berada dalam *ḥāl- ḥāl (aḥwāl)* di atas dijadikan sebagai penanda aras kepada tahap kecintaan dan setakat mana *ḥāl fanā'* dicapai oleh para *sālikin*. Oleh itu, semakin kuat kecintaan hamba terhadap Penciptanya, maka semakin tinggi darjah *fanā'* kesedaran dirinya terhadap selain Allah.

PENUTUP

Kesimpulannya, aplikasi konsep *al-ḥāl* dalam ilmu nahu menurut al-Qushayrī bukanlah suatu penggabungan bidang secara mekanikal, tetapi merupakan pendekatan kerohanian yang mampu memperkaya dimensi pemahaman ilmu nahu Arab. Melalui penghayatan konsep *al-jam'* dan *al-farq* serta pembahagiannya, al-Qushayrī menunjukkan bahawa nahu Arab bukan sekadar perbincangan struktur ayat semata-mata, bahkan mencerminkan gerak rohani antara kesatuan makna dan perincian kaedah.

Begitu juga, nilai *fanā'* yang beliau huraikan memperlihatkan bagaimana seorang pengkaji nahu seharusnya tidak tetumpu hanya memelihara ketepatan struktur bahasa bahkan hendaklah menjaga kemurnian hati yang amat ditekan dalam disiplin ilmu. Pendekatan ini diharapkan dapat mengetengahkan satu pendekatan baharu yang bersepadu dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi subjek nahu Arab. Maka, sumbangan al-Qushayrī dalam hal ini adalah penting dalam memadukan dimensi zahir dan batin, sekaligus menawarkan satu metodologi ilmu yang berteraskan integrasi ilmu akli dan nakli dalam kerangka Islam.

RUJUKAN

Buku

al-Quran al-Karim.

al-Qushayri, 'Abd al-Karim bin Hawazin. (2005). *Nahw Al-Qulūb*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Qushayri, 'Abd al-Karim bin Hawazin. (2010). *al-Risālah al-Qushayriyyah*. Sharikah al-Quds lil-Tijarah.

al-Tūsi, Abu Nasr al-Sarraji. (2007). *al-Luma'*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Hibban, Muhammad bin Ahmad Abu Hatim al-Tamimi. (1993). *Saḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Mu'assasah al-Risalah.

Ibn Hisyam, Abdullah bin Yusuf. (2004). *Sharh Shudhūr al-Dhahab fi Ma'rifah Kalām al-'Arab*. Dar al-Talāi'.

- Ibn Khallikan, Ahmad bin Muhammad bin Abi Bakr. (1978). *Wafayāt al-A'yān wa Anbā' Abnā' al-Zamān*. Dar Sadir.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid bin Abu 'Abd Allah al-Qazwayni. (t.t.). *Sunan Ibn Majah*. Maktabah al-Ma'ārif.
- Ibn Manẓūr, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram bin Ali (2003). *Lisān al-'Arab*. Dar al-Hadith.
- Ibrahim Bisyuni dan Ahmad 'Ilm al-Din al-Jundi. (2008). *Naḥw al-Qulūb al-Saghir wa al-Kabīr li al-Imām Zayn al-Islām 'Abd al-Karīm al-Qushayri*. Maktabah 'Ālam al-Fikr.
- Ibrahim Bisyuni. (1972). *al-Imām al-Qushayri Siratuhu, Athāruhu, Madhhabuhu fī al-Taṣawwuf*. al-Maktabah al-Misriyyah.
- Muslim bin Hajaj bin Muslim al-Qushayri. (2006). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Dar Taybah.
- Syed Muhammad Naquib Naquib al-Attas. (2023). *Islam and Secularism*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

Jurnal

- Ahmad Qasim Kassar. (2012). al-Imām al-Qushayri wa Juhūdhu fi Asalamah al-Dirāsāt al-Lughawīyah Kitāb Naḥw al-Qulūb Namūzajan. *Hawliyyat al-Turath*, 22, 119-130
- Khairunas Rajab. (2009). al-Maqamat dan al-Ahwal dalam Tasawuf. *Jurnal Usuluddin*, 25, 1-27.
- Mohd Khairi Othman. (2014). Hubungan Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar. *Journal of Human Development and Communication*, 3, 81-92.
- Mohd Zuhdi Ismail, Shahrizal Mahpol dan Mohd Baharim Bin Mayidin. (2022). Aspek Tauhid Dalam Ilmu Nahu Menurut Al-Qushayri. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2), 259-272.
- Shahrizal Mahpol, Mohd Zuhdi Ismail dan Mohd Baharim Mayidin. (2024). Penerapan Prinsip Asas Ilmu Tasawuf dalam Ilmu Nahu Menurut Al-Qushayri. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 10(3).
- Zaiton Mustapha, Shahrizal Mahpol dan Nur Hafizah Ahmad Tajuddin. (2021). Penerapan Nilai Makrifah Dalam Ilmu Nahu Menurut al-Qushayri. *Asia Pacific Online Journal of Arabic Studies*, 4(1).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.